



PARTICIPANT INFORMATION SHEET

Study Title: Effectiveness of Eye Mask and Earplug versus Sleep Hygiene Leaflet on Sleep Quality and IVF Outcomes among Women Undergoing In Vitro Fertilisation: A Randomised Controlled Trial

Version No: 1

Version Date: 18 November 2025

We would like to invite you to take part in a research study. Before you decide whether to participate, you need to understand why the research is being done and what it would involve. Please take time to read the following information carefully; talk to others about the study if you wish.

Ask us if there is anything that is not clear or if you would like more information. Take time to decide whether or not you wish to take part.

1. What is the purpose of this study?

The purpose of this study is to find out whether improving sleep at night by using various sleeping aid can improve sleep quality and also improve the results of IVF treatment.

We will look at sleep quality and how many good quality mature eggs are collected, as well as other IVF outcomes such as the number of embryos formed and the chance of pregnancy.

2. Why is this study important?

Many women undergoing IVF have difficulty sleeping due to stress, anxiety and frequent clinic visits. Poor sleep may affect hormones and possibly reduce the success of IVF.

If we can show that a simple and low-cost way to improve sleep (eye mask and earplug, or better sleep habits) improves IVF outcomes, this may help future patients have better chances of success with IVF and may be used as part of standard care.

3. What type of study is this?

This is a **randomised controlled trial**.

In simple terms:

- “Randomised” means you will be put into one of two groups **by chance**, like flipping a coin.
- “Controlled” means we compare two groups:
 - one group will receive sleeping aid “A”,

- the other group will receive sleeping aid “B”.

We then compare sleep and IVF results between these two groups

4. What is the procedure that is being tested? (If applicable)

We are testing a **non-drug intervention** to improve sleep:

We do **not** change your IVF drugs or procedures. Your IVF treatment will follow the usual hospital protocol. We only add sleep-related support.

5. Does the investigatory product contain cultural sensitive ingredients eg: bovine or porcine? (if applicable)

Not applicable

6. Why have I been invited to participate in this study?

You have been invited because:

You are undergoing IVF treatment at our centre. We are testing a **non-drug intervention** to improve sleep:

We do **not** change your IVF drugs or procedures. Your IVF treatment will follow the usual hospital protocol. We only add sleep-related support.

- Women 21–42 years undergoing IVF at UMMC
- PSQI > 5 prior to COS
- BMI < 35 kg/m²
- Able to consent, wear actigraphy, and complete questionnaires

7. Who should not participate in the study?

You should **not** take part if:

- Known obstructive sleep apnea
- Current shift-work employment
- Use of hypnotic/sedative medications during COS
- Ovarian endometrioma requiring surgical management during cycle

8. Can I refuse to take part in the study?

Yes, you are allowed to refuse. Participation in this study is **entirely voluntary**.

If you decide **not** to participate:

- Your decision will be respected.
- It will **not** affect your usual medical care or IVF treatment in any way.
- Your doctors and nurses will continue to care for you as usual.

You may also decide to withdraw later, even if you have already joined

9. What will happen to me if I take part?

If you agree to take part:

Screening and consent

- a. We will explain the study in detail and answer your questions.
- b. If you agree, you will sign the consent form.

Baseline information

- c. We will record basic information from your medical records such as age, weight, height, medical history, infertility history and IVF details.
- d. You will be asked to answer a short questionnaire about your sleep and mood.

Randomisation (allocation into groups)

- e. You will be randomly assigned into one of two groups:
 - i. Group A
 - ii. Group B
- f. You cannot choose the group, and neither can the researcher. This is to keep the study fair.

Sleep intervention

- g. If you are in **Group A**, you will receive:
 - i. One eye mask and a pair of reusable earplugs.
 - ii. Simple instructions on how to use them safely every night during your IVF stimulation and up to oocyte pick-up and embryo transfer.
 - iii. A sleep hygiene leaflet (simple tips like fixed bedtime, avoiding caffeine late at night, etc.).
- h. If you are in **Group B**, you will receive:
 - i. The same sleep hygiene leaflet only.

Follow-up during IVF cycle

- i. You will continue your IVF treatment as per normal.
- j. On some clinic visits, we will ask you to complete short questionnaires on your sleep quality (for example, how many hours you slept, how restful it was).
- k. We will not add extra blood tests or scans beyond your usual IVF care.

Outcome assessment

From your routine IVF records, we will collect information such as:

- l. Number of eggs collected and number of mature eggs (MII oocytes).
- m. Number of follicles, egg retrieval details.
- n. Number and quality of embryos formed.
- o. Whether embryo transfer was done and the result of your pregnancy test.

End of study for you

- p. Your involvement in the research ends after we have recorded your IVF results (usually by the time your pregnancy test result is known).
- q. You may be contacted once to ask if you would like a brief summary of the study results in future.

There are **no extra clinic visits** created solely for this study. Most data are taken from your routine IVF care and short questionnaires.

10. How long will I be involved in this study?

You will be involved from the time you consent to join the study until your IVF cycle outcome is known, usually **about 2 to 3 months** (from the start of ovarian stimulation until the pregnancy test after embryo transfer).

11. What are the possible disadvantages and risks?

Possible disadvantages or risks include:

- **Mild discomfort from eye mask or earplugs**, such as:
 - Feeling warm or tight around the eyes
 - Discomfort in the ear
 - Rarely, irritation of the skin or ear canal
- **Minor inconvenience of:**
 - Remembering to use the eye mask and earplugs every night (for Group A)
 - Answering several short questionnaires about your sleep.

We do **not** change your IVF drugs or procedures, so the usual risks of IVF are unchanged.

If you feel uncomfortable using the mask or earplugs, you can stop using them and inform the research team. Your participation is voluntary and your care will not be affected.

12. What are the possible benefits to me?

You may sleep better by using the eye mask and earplugs or by following the sleep hygiene advice.

Better sleep may help you feel calmer and cope better during the IVF process.

It is not guaranteed that your IVF success will improve, but we hope the study will show whether this kind of sleep support helps.

Even if there is no direct benefit to you, your participation will help doctors understand how sleep affects IVF outcomes and may benefit future patients.

13. Who will have access to my medical records and research data?

- a. The **principal investigator** and co-investigators of this study.
- b. The research supervisors (e.g. from the Department of Obstetrics and Gynaecology, University of Malaya).
- c. The study statistician who analyses the data.
- d. Members of the Medical Research Ethics Committee (MREC) or authorised authorities for monitoring, if required.

All of them are required to keep your information confidential.

14. Will my records/data be kept confidential?

Yes. Your records and data will be kept **confidential**.

- Your name and IC number will be replaced by a **study ID number** in the research database.
- The list that links your name to your study ID will be kept separately in a password-protected file accessible only to the main investigator.
- Electronic data will be stored on secure, password-protected computers or servers in the hospital/university.
- Paper records (if any) will be kept in locked cabinets in a restricted area.
- In any report, thesis, or publication, your identity will **not** be revealed. Results will be presented as group data only

15. What will happen to any samples I give? (If applicable)

Not applicable.

This study does **not** require any extra blood or tissue samples apart from what is already taken as part of your routine IVF treatment. We only use information from your existing medical records and your questionnaires

16. What will happen if I don't want to carry on with the study?

You may stop participating at any time **without giving any reason**.

If you choose to withdraw:

- Your usual medical and IVF care will continue as normal.
- There will be no penalty, and it will not affect your relationship with your doctors or the hospital.
- Data already collected up to the point of your withdrawal may still be used in an anonymised form (without your name) to ensure the study results are complete, unless you specifically request that your data be removed where possible.

You will not be contacted further for study-related questionnaires after you withdraw.

17. What if relevant new information about the procedure/ drug/ intervention becomes available? (If applicable)

If we receive new information that shows:

- The eye mask and earplugs or sleep hygiene approach is clearly not helpful, or
- There is any unexpected risk,

we will:

- Inform you as soon as possible, and
- Discuss whether you wish to continue or withdraw from the study.

If necessary, the study may be changed or stopped early for safety reasons.

18. What happens when the research study stops? (If applicable)

When the study stops:

- Your IVF and follow-up care will continue as usual according to the hospital's standard practice.
- We will analyse the collected data.
- We may contact you only once if you have indicated that you wish to receive a simple summary of the study findings.

No further intervention related to the study (eye mask/earplugs or questionnaires) will be required from you.

19. What will happen to the results of the research study?

The results of this study may be:

- Published in scientific journals,
- Presented at medical conferences, and
- Used as part of a postgraduate thesis in Obstetrics and Gynaecology.

You will **not** be personally identified in any report. If you wish, you may request a brief summary of the main results after the study has finished.

20. Will I receive compensation for participating in this study?

You will **not receive any payment** for taking part in this study.

You will also **not have to pay extra charges** for the eye mask, earplugs or sleep hygiene leaflet. These will be provided by the research team.

Because this is a non-invasive study and does not change your medical treatment, we do not expect study-related injury. If you experience any problem that you think is related to the study, please contact the investigators or your usual doctor.

21. Who funds this study?

This study is conducted as part of a postgraduate research project under the Department of Obstetrics and Gynaecology, University of Malaya / University of Malaya Medical Centre.

There is **no external commercial (industry) sponsor**.

22. Who should I contact if I have additional questions/problems during the course of the study?

Name of investigator 1: Dr Nurul Hafiza Binti Md Khairi

Affiliation: Department of Obstetrics and Gynaecology, University of Malaya / University of Malaya Medical Centre

Telephone number (Mobile number): 011-37445535

Email: hafizakhairi@gmail.com

Name of investigator 2: Prof. Dr Mukhri Bin Hamdan

Affiliation: Department of Obstetrics and Gynaecology, University of Malaya / University of Malaya Medical Centre

Telephone number (Mobile number): 012-3615253

Email: mukhri@um.edu.my

23. Who should I contact if I am unhappy with how the study is being conducted?

Medical Research Ethics Committee

University of Malaya Medical Centre

Telephone number: 03-7949 3209/2251



LEMBARAN MAKLUMAT PESERTA

Tajuk Kajian: Keberkesanan Topeng Mata dan Penutup Telinga berbanding Risalah Kebersihan Tidur terhadap Kualiti Tidur dan Keputusan IVF dalam kalangan Wanita yang Menjalani Persenyawaan in Vitro: Satu Kajian Rawak Terkawal

No. Versi: 1

Tarikh Versi: 18 November 2025

Kami ingin menjemput anda untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Sebelum anda memutuskan untuk mengambil bahagian, anda perlu memahami mengapa penyelidikan itu dilakukan dan apa yang akan dilakukan. Luangkan masa untuk membaca maklumat berikut dengan teliti; berbincang dengan orang lain mengenai kajian jika anda berminat.

Tanyakan kepada kami jika ada perkara yang tidak jelas atau jika anda mahukan lebih banyak maklumat. Luangkan masa untuk memutuskan sama ada anda mahu menyertai atau tidak.

1. Apakah tujuan kajian ini?

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui sama ada memperbaiki kualiti tidur pada waktu malam menggunakan topeng mata dan penutup telinga, berbanding hanya memberi risalah kebersihan tidur, boleh:

memperbaiki kualiti tidur, dan

memperbaiki keputusan rawatan IVF, seperti bilangan telur matang yang diperolehi dan peluang untuk hamil

2. Mengapakah kajian ini penting?

Ramai wanita yang menjalani IVF mengalami masalah tidur akibat tekanan, kebimbangan dan kekerapan hadir ke klinik. Tidur yang tidak berkualiti boleh menjejaskan hormon dan mungkin mengurangkan kejayaan IVF.

Jika kajian ini menunjukkan bahawa langkah mudah dan murah seperti topeng mata, penutup telinga atau amalan kebersihan tidur boleh membantu meningkatkan keputusan IVF, ia boleh digunakan untuk membantu pesakit-pesakit IVF pada masa hadapan.

3. Apakah jenis kajian ini?

Ini adalah **kajian rawak terkawal (randomised controlled trial)**.

Dalam bahasa mudah:

- “Rawak” bermaksud anda akan dimasukkan ke dalam salah satu daripada dua kumpulan **secara rambang**, seperti balingan syiling.
- “Terkawal” bermaksud kami membandingkan dua kumpulan:
 - Kumpulan A
 - Kumpulan B

Kami kemudian membandingkan kualiti tidur dan keputusan IVF antara kedua-dua kumpulan

4. Apakah prosedur yang akan diuji? (jika berkenaan)

Kami menguji satu **intervensi bukan ubat** untuk memperbaiki tidur:

- **Kumpulan intervensi:** Topeng mata dan penutup telinga untuk digunakan pada waktu malam, bersama risalah kebersihan tidur.
- **Kumpulan kawalan:** Risalah kebersihan tidur sahaja.

Kami **tidak** mengubah ubat atau prosedur IVF anda. Rawatan IVF anda akan mengikut protokol biasa hospital. Kami hanya menambah sokongan berkaitan tidur

5. Adakah produk penyiasatan mengandungi bahan sensitif seperti sapi atau khinzir? (jika berkenaan)

Tidak berkenaan.

Topeng mata dan penutup telinga dibuat daripada bahan seperti kain/buih/silikon dan **tidak mengandungi bahan daripada lembu (bovine) atau khinzir (porcine)**. Risalah kebersihan tidur hanyalah bahan bacaan.

6. Mengapakah saya dijemput untuk mengambil bahagian dalam kajian ini?

Anda dijemput kerana:

- Anda adalah pesakit wanita yang menjalani rawatan IVF di pusat kami.
- Anda akan memulakan atau sedang menjalani rangsangan ovari terkawal untuk IVF/ICSI.
- Anda berada dalam lingkungan umur yang diterima untuk IVF di pusat ini (contohnya 20–45 tahun, mengikut polisi klinik).
- Anda boleh membaca dan memahami Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Anda sanggup menggunakan topeng mata dan penutup telinga pada waktu malam **atau** mengikut risalah kebersihan tidur, serta menjawab soal selidik ringkas

7. Siapa yang tidak boleh mengambil bahagian dalam kajian ini?

Anda **tidak sesuai** menyertai kajian ini jika:

- Anda mempunyai masalah tidur yang serius dan sedang diikuti oleh pakar (contohnya sleep apnoea yang teruk).
- Anda mempunyai masalah pendengaran yang serius, jangkitan telinga kronik atau kesakitan di telinga yang menjadikan penggunaan penutup telinga tidak selamat.
- Anda mempunyai masalah kulit atau alahan yang menyebabkan pemakaian topeng mata tidak selesa atau tidak selamat.
- Anda menyertai kajian lain yang boleh menjejaskan keputusan IVF anda.

Anda tidak sanggup menggunakan topeng mata/penutup telinga atau tidak mahu menjawab soal selidik

8. Bolehkah saya enggan mengambil bahagian dalam kajian ini?

Ya. Menyertai kajian ini adalah **secara sukarela**.

Jika anda memilih **untuk tidak menyertai**:

- Keputusan anda akan dihormati.
- Ia **tidak akan menjejaskan** rawatan biasa anda atau rawatan IVF anda.
- Doktor dan jururawat akan terus merawat anda seperti biasa.

Anda juga boleh menarik diri kemudian walaupun sudah bersetuju pada awalnya.

9. Apa yang akan berlaku kepada saya sekiranya saya mengambil bahagian?

Jika anda bersetuju:

1. Saringan dan persetujuan

- Kajian akan diterangkan dengan lebih terperinci dan semua soalan anda akan dijawab.
- Jika bersetuju, anda akan menandatangani/mengesahkan borang persetujuan atas talian.

2. Maklumat asas

- Kami akan merekodkan maklumat asas daripada rekod perubatan anda seperti umur, berat, tinggi, sejarah perubatan, sejarah ketidaksuburan dan maklumat IVF.
- Anda akan diminta menjawab soal selidik ringkas mengenai kualiti tidur dan emosi anda.

3. Pembahagian kumpulan (rawak)

- Anda akan dimasukkan secara rawak (melalui komputer) ke dalam salah satu kumpulan:
 - Kumpulan A: Topeng mata + penutup telinga + risalah kebersihan tidur

- Kumpulan B: Risalah kebersihan tidur sahaja
- Anda dan penyelidik tidak boleh memilih kumpulan. Ini untuk memastikan kajian lebih adil.

4. **Intervensi tidur**

- Jika anda berada dalam **Kumpulan A**, anda akan menerima:
 - Satu topeng mata dan sepasang penutup telinga boleh guna semula.
 - Arahan mudah cara penggunaan yang selamat setiap malam sepanjang tempoh rangsangan ovari dan sehingga proses pengambilan telur dan pemindahan embrio.
 - Risalah kebersihan tidur (petua tidur sihat seperti waktu tidur tetap, elak kafein lewat malam dan sebagainya).
- Jika anda berada dalam **Kumpulan B**, anda akan menerima:
 - Risalah kebersihan tidur yang sama, tanpa topeng mata dan penutup telinga.

5. **Susulan sepanjang rawatan IVF**

- Rawatan IVF anda diteruskan seperti biasa.
- Pada beberapa lawatan klinik, anda akan diminta mengisi soal selidik ringkas tentang kualiti tidur (contohnya berapa jam tidur dan sejauh mana tidur itu nyenyak).
- Kami tidak menambah ujian darah atau imbasan tambahan selain yang memang perlu untuk IVF anda.

6. **Penilaian keputusan**

Daripada rekod IVF anda, kami akan mengumpul maklumat seperti:

- Bilangan telur yang diambil dan bilangan telur matang (MII).
- Bilangan folikel dan butiran prosedur pengambilan telur.
- Bilangan dan kualiti embrio yang terbentuk.
- Sama ada pemindahan embrio dilakukan dan keputusan ujian kehamilan anda.

7. **Tamat penglibatan anda**

- Penglibatan anda dalam kajian berakhir selepas keputusan IVF (contohnya keputusan ujian kehamilan) diketahui.
- Anda mungkin akan ditanya sekali sama ada anda ingin mendapatkan ringkasan keputusan kajian pada masa hadapan.

Tiada lawatan klinik tambahan khas untuk kajian ini. Kebanyakan data diambil daripada rekod IVF sedia ada dan soal selidik ringkas.

10. Berapa lama saya akan terlibat dalam kajian ini?

Anda akan terlibat dari masa anda memberi persetujuan sehingga keputusan kitaran IVF anda diketahui, biasanya **sekitar 2 hingga 3 bulan** (dari permulaan rangsangan ovari sehingga ujian kehamilan selepas pemindahan embrio).

11. Apakah kemungkinan kesan sampingan dan risiko mengikuti kajian ini?

Risiko utama adalah kecil dan termasuk:

- **Ketidakselesaan ringan daripada topeng mata atau penutup telinga**, seperti:
 - Rasa panas atau ketat di sekitar mata
 - Rasa tidak selesa di telinga
 - Jarang-jarang, kerengsaan kulit atau salur telinga
- Sedikit kesulitan:
 - Perlu ingat untuk memakai topeng mata dan penutup telinga setiap malam (untuk Kumpulan A)
 - Menjawab beberapa soal selidik ringkas.

Kami **tidak** mengubah ubat atau prosedur IVF anda, jadi risiko biasa IVF adalah sama seperti pesakit lain.

Jika anda berasa tidak selesa dengan topeng mata atau penutup telinga, anda boleh berhenti menggunakannya dan memaklumkan kepada pasukan kajian. Penglibatan anda adalah sukarela dan rawatan anda tidak akan terjejas.

12. Apakah kemungkinan faedah bagi saya?

Faedah yang mungkin:

- Anda mungkin tidur dengan lebih nyenyak menggunakan topeng mata dan penutup telinga atau dengan mengamalkan kebersihan tidur yang baik.
- Tidur yang lebih baik boleh membantu anda berasa lebih tenang dan dapat menghadapi proses IVF dengan lebih baik.
- Kami tidak dapat menjamin keputusan IVF anda akan bertambah baik, tetapi itulah yang ingin kami lihat melalui kajian ini.

Walaupun tiada faedah langsung kepada anda, penyertaan anda akan membantu doktor memahami bagaimana tidur mempengaruhi keputusan IVF dan boleh memberi manfaat kepada pesakit lain pada masa hadapan.

13. Siapa yang akan mempunyai akses ke rekod perubatan dan data penyelidikan saya?

Akses kepada data anda terhad kepada:

- Penyiasat utama dan penyiasat bersama kajian ini.
- Penyelia kajian (contohnya dari Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Universiti Malaya).
- Ahli statistik yang menganalisis data.
- Ahli Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) atau pihak berkuasa yang dibenarkan untuk tujuan pemantauan, jika diperlukan.

Semua pihak ini terikat kepada peraturan kerahsiaan

14. Adakah rekod/data saya akan dirahsiakan?

Ya. Rekod dan data anda akan **dirahsiakan**.

Nama dan nombor IC anda akan digantikan dengan **nombor ID kajian** dalam pangkalan data.

Senarai yang menghubungkan nama anda dengan ID kajian akan disimpan dalam fail berasingan yang dilindungi kata laluan dan hanya boleh diakses oleh penyiasat utama.

Data elektronik akan disimpan dalam komputer atau pelayan yang selamat dan dilindungi kata laluan di hospital/universiti.

Rekod bertulis (jika ada) akan disimpan di dalam kabinet berkunci di kawasan yang terhad.

Dalam apa-apa laporan, tesis atau penerbitan, identiti anda **tidak** akan didedahkan. Keputusan akan dilaporkan secara berkumpulan

15. Apa yang akan berlaku pada sampel yang saya berikan?

Tidak berkenaan.

Kajian ini **tidak memerlukan** sampel darah atau tisu tambahan selain daripada yang diambil untuk rawatan IVF biasa. Kami hanya menggunakan maklumat daripada rekod perubatan sedia ada dan soal selidik anda.

16. Apa yang akan berlaku sekiranya saya tidak mahu meneruskan kajian ini?

Anda boleh menarik diri pada bila-bila masa **tanpa perlu memberi sebarang alasan**.

Jika anda menarik diri:

- Rawatan biasa dan rawatan IVF anda akan diteruskan seperti biasa.
- Tiada sebarang hukuman, dan hubungan anda dengan doktor serta hospital tidak akan terjejas.
- Data yang telah dikumpul sehingga tarikh anda menarik diri mungkin masih digunakan dalam bentuk tanpa nama (tanpa nama anda) untuk memastikan keputusan kajian lengkap, kecuali jika anda meminta data anda dipadamkan, sejauh mana yang boleh.

Anda tidak akan dihubungi lagi untuk soal selidik kajian selepas menarik diri.

17. Bagaimana jika maklumat baru yang relevan mengenai prosedur/ubat/campur tangan tersedia?

Jika terdapat maklumat baru yang menunjukkan:

- Topeng mata dan penutup telinga atau pendekatan kebersihan tidur **tidak membantu** atau
- Terdapat risiko yang tidak dijangka,

kami akan:

- Memaklumkan kepada anda secepat mungkin, dan
- Berbincang sama ada anda ingin meneruskan atau menarik diri daripada kajian.

Jika perlu, kajian mungkin diubah suai atau dihentikan lebih awal atas faktor keselamatan.

18. Apa yang akan berlaku apabila kajian penyelidikan selesai?

Rawatan IVF dan susulan anda akan diteruskan mengikut amalan biasa hospital.

Data yang dikumpul akan dianalisis.

Anda mungkin akan dihubungi sekali jika anda menyatakan minat untuk menerima ringkasan ringkas keputusan kajian.

Tiada lagi intervensi kajian (topeng mata/penutup telinga atau soal selidik) yang akan diminta daripada anda.

19. Apa yang akan berlaku dengan hasil kajian penyelidikan?

Hasil kajian ini mungkin:

- Diterbitkan dalam jurnal perubatan,
- Dibentangkan di persidangan perubatan, dan
- Digunakan sebagai sebahagian daripada tesis pascasiswazah dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi.

Identiti anda **tidak** akan dinyatakan dalam mana-mana laporan. Jika anda mahu, anda boleh meminta ringkasan ringkas keputusan utama selepas kajian tamat

20. Adakah saya akan mendapat pampasan untuk menyertai kajian ini?

Anda **tidak akan menerima bayaran** untuk penyertaan dalam kajian ini.

Anda juga **tidak perlu membayar** apa-apa tambahan untuk topeng mata, penutup telinga atau risalah kebersihan tidur. Semua ini akan disediakan oleh pasukan kajian.

Oleh kerana kajian ini tidak melibatkan prosedur invasif tambahan dan tidak mengubah rawatan perubatan anda, kami tidak menjangka kecederaan berkaitan kajian. Jika anda mengalami sebarang masalah yang dirasakan berkaitan dengan kajian, sila hubungi

penyiasat atau doktor anda

21. Siapa yang membiayai kajian ini?

Kajian ini dijalankan sebagai sebahagian daripada projek penyelidikan pascasiswazah di bawah Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Universiti Malaya / Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Tiada penaja komersial (industri) luar terlibat

22. Siapa yang harus saya hubungi sekiranya saya mempunyai soalan/masalah tambahan semasa pengajian?

Nama penyelidik 1: Dr Nurul Hafiza binti Md Khairi

Affiliasi: Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Universiti Malaya / Pusat Perubatan Universiti Malaya

Nombor telefon (Mobile number): 01137445535

Email: hafizakhairi@gmail.com

Nama penyelidik 2: Prof Dr Mukhri bin Hamdan

Affiliasi: Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Universiti Malaya / Pusat Perubatan Universiti Malaya

Nombor telefon (Mobile number): 0123615253

Email: mukhri@ummc.edu.my

23. Siapa yang harus saya hubungi sekiranya saya tidak berpuas hati dengan bagaimana kajian ini dijalankan?

Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan

Pusat Perubatan Universiti Malaya

Nombor telefon: 03-7949 3209/2251